

Laporan Jawatankuasa Audit

Ahli-ahli Jawatankuasa



Encik P. Raveenderen
(Pengerusi & Pengarah Bebas Bukan Eksekutif) (Ahli Jawatankuasa Audit sejak 26 Mac 2004; Dilantik sebagai Pengerusi pada 18 Ogos 2006)



Y. Bhg. Dato' Syed Ariff Fadzillah bin Syed Awalluddin
(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)



Tuan Haji Megat Dziauddin bin Megat Mahmud
(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif) (Dilantik pada 1 November 2006)

Keahlian

Jawatankuasa Audit akan dilantik oleh Lembaga terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) ahli di mana majoriti adalah daripada pengarah bebas. Sekurang-kurangnya seorang ahli Jawatankuasa mestilah merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia atau layak sebagai ahli.

Pengerusi Jawatankuasa Audit yang dicalonkan oleh Lembaga akan dilantik daripada kalangan ahli dan hendaklah merupakan seorang pengarah bebas.

Tempoh jawatan akan dikaji semula sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh dua (2) tahun.

Bidang Kuasa

Jawatankuasa diberi kuasa oleh Lembaga untuk melaksanakan mana-mana aktiviti dalam lingkungan bidang tugasnya dan mempunyai akses tanpa had kepada semua maklumat dan dokumen yang berkaitan dengan aktivitinya, juruaudit dalaman dan luaran, serta semua kakitangan Kumpulan.

Ia juga mempunyai kuasa untuk mendapatkan khidmat nasihat undang-undang atau lain-lain nasihat profesional yang ia fikirkan perlu.

Bidang Tugas

Tugas utama Jawatankuasa adalah:

1. Untuk mengkaji dan meluluskan rancangan audit tahunan, piagam audit, belanjawan, skop prosedur audit, program audit dan laporan juruaudit dalaman termasuk tindakan-tindakan yang diambil susulan daripada cadangan audit dalaman;

2. Untuk memastikan bahawa jabatan audit dalaman mempunyai sumber-sumber yang mencukupi dan cekap;
3. Untuk meneliti dan mengkaji secara tahunan dengan juruaudit luaran, rancangan audit dan laporan termasuk koordinasi antara juruaudit dalaman dan luaran bagi memastikan tidak terdapat duplikasi dalam usaha mereka;
4. Untuk mengkaji keputusan penyata kewangan suku tahun dan tahun berakhir sebelum mendapat kelulusan daripada Lembaga termasuk bantuan yang diberikan oleh para pegawai Syarikat kepada juruaudit;
5. Untuk mencadangkan kepada Lembaga pencalonan juruaudit luaran selepas menilai prestasi mereka dan mempertimbangkan imbuhan juruaudit dan sebarang kemusykilan mengenai peletakan jawatan atau penyingkiran;
6. Untuk mengkaji surat pengurusan juruaudit luaran dan respons yang diberikan oleh pihak Pengurusan;
7. Mengkaji penyata penzahiran mengenai pematuhan dengan syarat-syarat Bursa Malaysia; dan
8. Untuk mengkaji apa-apa urusan pihak yang berkaitan dan apa-apa keadaan percanggahan kepentingan yang mungkin timbul dalam Kumpulan.
9. Untuk mengkaji peruntukan bagi opsyen menurut Skim Opsyen Saham Kakitangan Syarikat.

Laporan Jawatankuasa Audit

Mesyuarat

Korum hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya dua-pertiga daripada ahli-ahli dengan pengarah bebas membentuk majoritinya.

Sekurang-kurangnya empat mesyuarat dirancang pada setiap tahun. Mesyuarat tambahan boleh diadakan pada bila-bila masa sekiranya diminta oleh mana-mana ahli jawatankuasa, pihak Pengurusan, juruaudit dalaman atau luaran.

Pengerusi Jawatankuasa Audit boleh menjemput sesiapa untuk menghadiri mesyuarat bagi membantu dalam perbincangannya.

Minit mesyuarat akan diedarkan kepada Lembaga selepas pengesahan.

Setiasaha kepada Jawatankuasa adalah Setiasaha Syarikat.

Bagi tahun kewangan dalam kajian, sebanyak empat (4) mesyuarat jawatankuasa audit telah diadakan. Butiran kehadiran ahli Jawatankuasa Audit adalah seperti berikut:

Nama ahli Jawatankuasa Audit	Jumlah mesyuarat yang dihadiri
i. Encik P. Raveenderen	4
ii. Y.Bhg. Dato' Mohd Taufik bin Dato' Abdullah (Meletakkan jawatan pada 27 Julai 2006)	1
iii. Y.Bhg. Dato' Syed Ariff Fadzillah bin Syed Awalluddin	4
vi. Tuan Haji Megat Dziauddin bin Megat Mahmud (Dilantik pada 1 November 2006)	2
v. Y.Bhg. Datuk Haji Mohd Khalil bin Dato' Haji Mohd Noor (Meletakkan jawatan pada 18 Ogos 2006)	2
iv. Encik Mohammad bin Abdullah (Meletakkan jawatan pada 1 November 2006)	2

Aktiviti utama yang telah dijalankan semasa mesyuarat adalah:

- Mengkaji keputusan suku tahun dan penyata kewangan tahun berakhir sebelum diluluskan oleh Lembaga;
- Mempertimbangkan dan mencadangkan kepada Lembaga pencalonan juruaudit luaran bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2007;
- Mengkaji rancangan audit juruaudit luaran bagi tahun berakhir 31 Mac 2007;
- Mengkaji surat pengurusan juruaudit luaran dan maklum balas pihak Pengurusan ke atasnya. Satu mesyuarat tanpa kehadiran pihak Pengurusan juga telah diadakan dengan juruaudit luaran;
- Mengkaji urusanniaga pihak berkaitan yang dimasuki oleh Kumpulan;
- Mengkaji penyata penzahiran mengenai pematuhan dengan syarat-syarat Bursa Malaysia;
- Mengkaji dan mencadangkan kepada Lembaga untuk meluluskan Piawaian Pelaporan Kewangan yang baru dan disemak, yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia;
- Mempertimbangkan dan mencadangkan kepada Lembaga pembayaran dividen interim dan akhir;
- Mengkaji hasil-hasil audit dalaman yang dijalankan sepanjang tahun dan kecukupan tindakan yang diambil oleh pihak Pengurusan;
- Mengkaji rancangan tahunan jabatan audit dalaman bagi tahun 2007; dan
- Mengkaji Perjanjian Tahap Perkhidmatan Audit Dalaman dengan syarikat subsidiarinya.

Berhubung dengan Skim Opsyen Saham Kakitangan Syarikat, peruntukan bagi opsyen pada tahun ini untuk kajian oleh Jawatankuasa Audit.

Jabatan Audit Dalaman

Jabatan Audit Dalaman telah ditubuhkan pada 2 Januari 1991. Ia bebas daripada aktiviti atau operasi mana-mana unit pengoperasian.

Ringkasan aktivitinya bagi tahun adalah seperti berikut:

- Audit dijalankan bagi pelbagai portfolio perniagaan/jabatan perkhidmatan dua anak syarikat;
- Audit susulan dijalankan ke atas pelaksanaan pengesyoran Jawatankuasa Audit dan tindakan yang diambil oleh pihak Pengurusan untuk memperbaiki isu-isu yang dikenal pasti semasa audit; dan
- Menyediakan rancangan audit tahunan dan belanjawan sumber-sumber bagi pertimbangan Jawatankuasa Audit.